

15 JUL 1997

## LEBANON BANGKIT SEMULA

(Laporan Khas)

Oleh: Mokhtar Hussein

BEIRUT: Seperti kebanyakan warga Lebanon, Talal Rahal menaruh harapan tinggi terhadap masa depan negaranya yang hampir ranap akibat perang selama dua dekad.

Beliau menjangka dalam lima tahun akan datang, akan muncul "serangan" baru - bukan oleh jet pejuang tetapi konglomerat.

"Kami mahu mengembalikan keagungan kepada negara ini," kata pemandu teksi berusia 46-tahun sedang ia memandu perlahan melalui kawasan bangunan-bangunan rosak, semuanya mengingatkan tentang serangan udara dan bedilan jet-jet Israel semasa perang.

Talal bersembang mengenai sebuah "Lebanon baru" yang diharap pada satu hari nanti menjadi irihati banyak pihak, seperti satu ketika dulu.

Ketika beliau menunjukkan kerja-kerja pembinaan di Beirut, penulis mendapati memang ada usaha gigih untuk membina semula daerah tengah ibu negara itu sebagai pusat pentadbiran, rekreasi dan budaya dalam suasana kota yang memangpun sibuk.

Kawasan yang terlibat dengan pembinaan hotel-hotel bertaraf antarabangsa dan bangunan komersial, pernah musnah dalam perang antara 1975 and 1990.

Hanya dengan bersiar-siar sejenak ke Beirut, penulis menyedari kenyataan Talal bukanlah khayalan semata.

Malah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akitek Malaysia baru, yang berada di sini untuk lawatan rasmi tiga hari, melihat sendiri usaha gigih rakyat Lebanon membina semula negara mereka, satu ketika merupakan pusat perdagangan dan kebudayaan rantau ini.

"Jika anda datang semula lima tahun lagi, anda akan melihat 'perang' bentuk baru di sini," kata Talal.

"Tapi bukanlah seperti perang saudara yang telah membunuh ribuan manusia...ianya perang antara syarikat-syarikat gergasi," kata Talal ketika memandu melalui "Green Line" yang cukup terkenal itu memisahkan antara Beirut Timur dengan Barat semasa persengketaan antara Christian militia dengan puak Muslim.

Solidere, syarikat Lebanon yang bertanggungjawab membiayai dan melaksanakan kerja-kerja infrastruktur di Beirut itu dijangka menyiapkan tugasnya menjelang kurun akan datang.

Kerja pembinaan termasuk jalan raya, terowong, jambatan, tempat-tempat awam, tempat rekreasi, rangkaian utiliti, sebuah stesen pencawang kecil, dan juga landskap dan penyiapan jalan-jalan kecil. Syarikat itu juga membaik-pulih kira-kira 265 bangunan bersejarah.

Pembinaan semula pasca perang ini, dijangka mencetuskan pertumbuhan perniagaan, di samping pertambahan bilik kediaman untuk orang-orang asing. Sebelum perang, kira-kira 80,000 keluarga asing pernah tinggal di Lebanon dan Lebanon "baru" menjangkakan jumlahnya kelak 100,000.

Di majlis jamuan sempena lawatan Dr Mahathir, rakan sejawatan Lebanannya Rafic Hariri memberitahu delegasi dan tokoh perniagaan Malaysia bahawa kerajaannya mahu menggalakkan ahli perniagaan Malaysia melabur dalam sektor perhotelan dan projek industri usahasama dengan pihak Lebanon.

"Lebanon kini tegak kembali pada kedudukan di peringkat serantau dan antarabangsa," kata beliau.

Bagi rakyat Lebanon, Malaysia adalah sebuah kuasa ekonomi yang sedang naik yang boleh membantu mereka membina semula negara.

Seorang ahli ekonomi dari Perbadanan Kamajuan Pelaburan Lebanon (Idal)

dipetik sebagai berkata di dalam sebuah akhbar tempatan bahawa: "Malaysia menunjukkan satu contoh bagaimana ia berjaya menggabungkan sektor industri dan pertanian, di samping perdagangan dan perkhidmatan."

Di akhir lawatan, satu konsortium terdiri daripada lima syarikat Malaysia telah bercadang untuk membina sebuah hotel dan apartmen bertaraf lima bintang bernilai AS\$65 juta di sebidang tanah di daerah itu.

Kelima-lima pemegang saham Premier Equity (Cayman) Ltd ialah Berjaya Land Berhad, Dijaya Corporation Berhad, Transwater Corporation Berhad, MWE Holdings Berhad dan Pernas Holdings Sdn Bhd.

Walaupun terdapat kesan-kesan keruntuhan dan kemusnahan, gambaran keagungan Beirut dapat juga dilihat oleh seseorang yang melawat bandaraya itu, yang suatu ketika dahulu merupakan antara bandaraya yang paling cantik, sibuk dan kukuh ekonominya di dunia.

Lebanon yang berkongsi sempadan dengan Syria dan Israel, mempunyai penduduk seramai 3.4 juta orang, kebanyakannya beragama Islam.

Negara itu dilanda perang saudara dalam tahun 1970-an antara puak Kristian dan Islam dan sekutu-sekutu Palestin mereka. Ia juga ditawan Israel pada 1983.

Melihat pembangunan pesat di Beirut, seseorang mungkin tertanya di manakah datangnya sumber kewangan untuk program pembinaan semula dalam waktu yang singkat.

"Ramai penduduk Lebanon meninggalkan negara itu untuk mencari rezeki dan kembali semula," jelas Talal.

Beliau berkata, pada waktu-waktu dahulu, rakyat Lebanon merantau ke Afrika Selatan mempertaruhkan untuk nasib dalam sektor perlombongan emas dan berlian sementara sesetengahnya pula termasuk Talal, mencari kehidupan baru di Amerika Syarikat sebelum kembali semula ke negara asal.

"Malah (Perdana Menteri Lebanon) Rafic Hariri menjalankan perniagaannya di Teluk sebelum kembali ke Lebanon," katanya.

Potensi-potensi yang terdapat di Lebanon memang banyak dan ramai ahli perniagaan merebut peluang negara itu.

"Terdapat banyak peluang di Lebanon untuk rakyat Malaysia," kata pengerusi Penerbangan Malaysia, Tan Sri Tajudin Ramli, yang mengetuai rombongan 20 orang ahli perniagaan yang menyertai rombongan Dr Mahathir itu.

Katanya, pelabur-pelabur Malaysia perlu cepat merebut tawaran kerajaan Lebanon, jika mereka tidak mahu ketinggalan.

Tetapi sesetengah ahli perniagaan Malaysia masih sangsi, khususnya kerana ketidakstabilan di selatan Lebanon yang kini dikuasai tentera rejim Israel.

Di selatan Lebanon, tentera-tentera Israel seringkali mengebom beberapa kawasan yang mereka dakwa merupakan tempat persembunyian gerila-gerila Hizbollah.

"Hanya di selatan, anda akan mendengar letupan bom dan bunyi tembakan. Tetapi di lain-lain tempat, ianya selamat.

Tetapi Tajudin nampaknya mempunyai satu penyelesaian. Beliau berkata, jika ahli perniagaan Malaysia pergi dalam satu kumpulan, ia akan mngurangkan risiko.

"Apabila saya mula-mula sampai ke Lebanon 15 bulan lalu, saya tidak yakin saya telah membuat keputusan yang betul kerana memikirkan situasi yang agak kucar-kacir.

Sekarang, saya kesal kerana tidak mengambil inisiatif awal-awal lagi, mempelawa ahli-ahli perniagaan kita untuk meninjau potensi-potensi di negara ini."

Kajian sebuah syarikat yang berminat untuk melabur di Lebanon mencadangkan supaya perbadanan-perbadanan yang berhajat menyertai ekonomi Lebanon, bertindak segera dan tidak menunggu sehingga proses perdamaian

termeterai.

Kajian juga menunjukkan bahawa barangan Malaysia boleh memberi keuntungan jika dipasarkan dengan cara yang betul, di samping itu, sokongan daripada pertubuhan-pertubuhan kerajaan yang berkaitan penting.

Di bidang pelancongan pula, ia mencadangkan supaya penekanan diberikan kepada pembangunan pusat peranginan, seperti padang golf, peralatan sukan khususnya di lembah Bekaa, iaitu kira-kira 20 km timur Beirut.

Kenyataan Perdana Menteri mengukuhkan lagi kata-kata Tajudin itu demi lebih meyakinkan pelabur Malaysia.

"Dari apa yang saya dapati di sini, Lebanon merupakan satu risiko pelaburan yang baik," kata Dr Mahathir di persidangan akhbar pada akhir lawatannya. -- BERNAMA

mh/rr/fn/rs